

MOA mahu peruntukan lebih besar RMKII

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mahu peruntukan yang lebih besar menerusi Rancangan Malaysia ke-11 (RMKII) bagi memastikan Pelan Transformasi Pertanian yang dirangka dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, RMKII adalah fasa

terakhir dalam perancangan lima tahun ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Justeru kata beliau, kementeriannya sudah merangka pelbagai strategi bagi memastikan pelan transformasi itu dapat direalisasikan sepenuhnya.

“Tahun ini MOA menyasarkan peningkatan

10 peratus berbanding hasil tahun lalu dalam pengeluaran bekalan makanan merangkumi hasil tanaman, ternakan dan perikanan negara.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di (MAEPS), semalam.